



Australian Government  
Attorney-General's Department

# Undang-undang cegah keganasan Australia

Malaysian

SOAL JAWAB

Risalah ini adalah rujukan yang bertujuan untuk membantu menerangkan undang-undang cegah keganasan Australia.

Ada lima bahagian utama di dalam risalah ini:

Kesalahan perbuatan pegganas dan sabit kesalahan	4
Organisasi pegganas dan kesalahan yang berkaitan	6
Penahanan cegahan dan kuat kuasanya	9
Menyiasat kesalahan keganasan	10
Mencegah pembiayaan keganasan	13
Menerangkan perintah kawalan	14

## Kesalahan perbuatan pengganas dan sabit kesalahan

Kesalahan perbuatan pengganas Australia terkandung di dalam Akta Kanun Jenayah 1995 (*Criminal Code Act 1995*).

### Apakah itu perbuatan pengganas?

'Perbuatan pengganas' ialah perbuatan atau ancaman untuk melakukan sesuatu perbuatan, yang dilakukan dengan niat untuk memaksa atau mempengaruhi orang awam atau mana-mana kerajaan secara ugutan untuk mengetengahkan sesuatu matlamat politik, keagamaan ataupun ideologi, dan perbuatan itu menyebabkan:

- maut, mudarat yang serius atau bahaya terhadap seseorang
- kerosakan yang serius terhadap harta benda
- risiko yang serius terhadap kesihatan atau keselamatan awam, atau
- kegendalaan, gangguan ataupun kemusnahan yang serius terhadap infrastruktur yang amat penting seperti rangkaian telekomunikasi atau elektrik.

Perbuatan pengganas tidak meliputi penglibatan dengan sokongan, bantahan, pertentangan pendapat ataupun tindakan perindustrian, iaitu apabila seseorang itu tidak berniat untuk mengenakan paksaan atau keganasan ataupun menyebabkan mudarat terhadap orang lain.

Jika didapati bersalah melakukan perbuatan pengganas, seseorang itu boleh menghadapi hukuman sehingga penjara seumur hidup.

### Apakah itu kesalahan perbuatan pengganas?

Kesalahan perbuatan pengganas ertinya menjadi suatu kesalahan untuk:

- melakukan perbuatan pengganas
- merancang atau bersiap untuk melakukan perbuatan pengganas
- membiayai keganasan atau pengganas
- menyediakan atau menerima latihan yang berkaitan dengan perbuatan pengganas
- memiliki barang-barang yang berkaitan dengan perbuatan pengganas, atau

- mengumpul atau membuat dokumen yang berkemungkinan akan memudahkan perbuatan pengganas.

Seseorang itu boleh disabitkan dengan kesalahan perbuatan pengganas jika dia berniat untuk melakukan salah satu kesalahan ini atau jika dia tidak hirau sama ada perbuatannya itu merupakan perbuatan pengganas.

Contohnya, seseorang itu mungkin didapati bersalah melakukan kesalahan perbuatan pengganas jika dia sengaja bersiap atau merancang untuk melakukan sesuatu perbuatan pengganas tetapi sebenarnya tidaklah melakukan sendiri perbuatan pengganas itu.

Seseorang itu mungkin tetap melakukan kesalahan perbuatan pengganas walaupun perbuatan pengganas tidak berlaku.

### Apakah ertinya mempunyai niat untuk melakukan sesuatu atau tidak hirau akan sesuatu?

Seseorang itu mempunyai niat berhubung dengan sesuatu perbuatan jika dia bermaksud untuk melibatkan diri dengan perbuatan tersebut. Seseorang itu mempunyai niat berhubung dengan sesuatu keadaan jika dia percaya bahawa keadaan tersebut wujud atau akan wujud. Seseorang itu mempunyai niat berhubung dengan sesuatu hasil jika dia bermaksud untuk menghasilkannya atau sedar bahawa hasil tersebut akan berlaku dalam keadaan biasa.

Seseorang itu tidak hirau akan sesuatu hasil atau keadaan jika dia sedar akan risiko yang nyata bahawa hasil atau keadaan tersebut akan wujud dan memandangkan keadaan yang diketahuinya itu, risiko tersebut tidak wajar diambil.

## Organisasi penganas dan kesalahan yang berkaitan

Kesalahan organisasi penganas Australia terkandung di dalam Akta Kanun Jenayah 1995 (*Criminal Code Act 1995*).

### Apakah itu organisasi penganas?

Organisasi penganas ialah organisasi yang:

- didapati oleh mahkamah terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dengan persiapan, perancangan, pemberian bantuan atau penggalakan perlakuan perbuatan penganas, atau
- telah disenaraikan oleh Kerajaan.

### Bilakah Kerajaan boleh menyenaraikan sesuatu organisasi penganas?

Kerajaan boleh menyenaraikan sesuatu organisasi sebagai organisasi penganas jika organisasi tersebut menganjurkan keganasan ataupun terlibat dengan persiapan, perancangan, pemberian bantuan atau penggalakan perlakuan perbuatan penganas.

Sesuatu organisasi itu menganjurkan keganasan jika organisasi tersebut, sama ada secara langsung ataupun tidak:

- membimbing atau menggesa perlakuan perbuatan penganas
- memberikan arahan tentang perlakuan perbuatan penganas, atau
- secara langsung memuji perlakuan perbuatan penganas dan ada risiko yang cukup besar bahawa pujian ini mungkin menyebabkan seseorang itu melibatkan dirinya dengan perbuatan penganas.

Sebelum sesuatu organisasi itu boleh disenaraikan, Peguam Negara mestilah yakin atas sebab-sebab yang munasabah bahawa organisasi tersebut terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dengan persiapan, perancangan, pemberian bantuan atau penggalakan perlakuan perbuatan penganas.

Apabila Kerajaan mengambil keputusan untuk menyenaraikan sesuatu organisasi itu sebagai organisasi penganas, keputusan tersebut akan dikaji semula secara umum oleh Jawatankuasa Bersama Parlimen bagi Perisikan dan Keselamatan (Parliamentary Joint Committee on Intelligence and

Security). Sesiapa yang ingin membangkitkan apa-apa isu terhadap keputusan untuk menyenaraikan sesuatu organisasi bolehlah menghantar bantahan atau keraguannya itu kepada Jawatankuasa Bersama Parlimen tersebut. Maklumat lanjut mengenai kajian semula Jawatankuasa Bersama Parlimen ini terhadap penyenaian organisasi boleh didapati di [www.apf.gov.au](http://www.apf.gov.au) di bawah 'Committees'.

Penyenaian sesuatu organisasi itu tidak lagi berkuat kuasa tiga tahun selepas digunakan, atau jika Peguam Negara tidak lagi yakin bahawa organisasi tersebut terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dengan persiapan, perancangan, pemberian bantuan atau penggalakan perlakuan perbuatan penganas, bergantung pada yang berlaku dahulu.

Organisasi penganas yang tersenarai di Australia boleh didapati di laman web Keselamatan Negara di [www.nationalsecurity.gov.au](http://www.nationalsecurity.gov.au) di bawah 'What Governments are doing'.

### Apakah kesalahan yang bersabit dengan organisasi penganas?

Menjadi suatu kesalahan untuk:

- menjadi ahli
- mengarahkan kegiatan
- mengambil khidmat kakitangan untuk
- melatih atau menerima latihan daripada
- memperoleh dana bagi, daripada atau untuk, atau
- memberikan sokongan kepada organisasi penganas.

Memberikan sokongan kepada organisasi penganas bererti apa-apa sokongan atau sumber yang sengaja disediakan untuk membantu organisasi tersebut bersiap, merancang, membantu atau menggalakkan perlakuan perbuatan penganas.

Juga menjadi suatu kesalahan untuk bersekutu dengan organisasi penganas yang tersenarai. Bersekutu dengan organisasi penganas yang tersenarai dilarang jika persekutuan tersebut berlaku dua kali atau lebih, persekutuan tersebut memberikan sokongan kepada organisasi yang berkenaan itu dan orang yang bersekutu itu memaksudkan supaya sokongan tersebut membantu organisasi yang tersenarai itu berkembang atau terus wujud. Walau bagaimanapun, seseorang itu tidak melakukan kesalahan bersekutu jika dia bersekutu dengan ahli keluarga yang rapat kerana hal kekeluargaan atau rumah tangga dan yang pentingnya, latar belakang budaya seseorang itu akan diambil kira dalam menentukan sama ada sesuatu itu adalah hal kekeluargaan atau rumah tangga.

Ada juga kekecualian daripada kesalahan bersekutu jika persekutuan tersebut berlaku semasa menunaikan ibadat keagamaan di tempat awam, seperti masjid atau gereja.

Untuk disabit kesalahan ini, seseorang itu mestilah sama ada sedia maklum bahawa organisasi yang berkenaan itu adalah organisasi penganas, ataupun tidak hirau sama ada organisasi tersebut adalah organisasi penganas.

Walau bagaimanapun, untuk melakukan kesalahan menjadi ahli organisasi penganas, orang yang berkenaan mestilah tahu bahawa dia adalah ahli organisasi penganas.

Jika seseorang itu didapati bersalah kerana bersekutu dengan organisasi penganas, hukuman maksimum ialah penjara selama tiga tahun atau jika seseorang itu didapati bersalah kerana menjadi ahli organisasi penganas, hukuman maksimum ialah penjara selama 10 tahun. Jika didapati bersalah melakukan salah satu kesalahan organisasi penganas yang lain, seseorang itu boleh dipenjarakan sehingga 25 tahun.

### Bolehkah seseorang itu melakukan kesalahan organisasi penganas jika organisasi tersebut belum lagi disenaraikan oleh Kerajaan?

Seseorang itu boleh melakukan kesalahan organisasi penganas walaupun Kerajaan belum lagi menyenaraikan organisasi tersebut selagi organisasi itu terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dengan persiapan, perancangan, pemberian bantuan atau penggalakan perlakuan perbuatan penganas.

Dalam mendakwa kesalahan organisasi penganas, pendakwa perlulah membuktikan kepada mahkamah tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa organisasi tersebut terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dengan keganasan. Selain itu, pendakwa juga hendaklah membuktikan bahawa orang yang berkenaan sama ada tahu bahawa organisasi tersebut adalah organisasi penganas ataupun sedar akan risiko yang nyata bahawa organisasi tersebut terlibat dengan kegiatan penganas.

## Penahanan cegahan dan kuat kuasanya

### Bilakah pihak polis boleh menahan seseorang atas tujuan pencegahan?

Pihak polis boleh menahan seseorang atas perintah arahan penahanan cegahan hanya jika terdapat ancaman serangan penganas yang pasti akan berlaku ataupun sejurus selepas serangan penganas berlaku.

Seseorang itu boleh ditahan jika perlu untuk menghalang perbuatan penganas yang pasti akan berlaku atau jika bukti penting berkemungkinan akan hilang selepas kejadian perbuatan penganas.

Mengikut undang-undang Komanwel, tempoh masa maksimum seseorang itu boleh ditahan atas tujuan pencegahan ialah 48 jam. Mengikut undang-undang Negeri dan Wilayah pula, seseorang itu boleh ditahan sehingga 14 hari. Yang pentingnya, walaupun jika gabungan antara rejim penahanan cegahan Komanwel dengan Negeri atau Wilayah digunakan, tempoh masa maksimum seseorang itu boleh ditahan atas tujuan pencegahan ialah 48 jam.

Seseorang yang ditahan atas perintah penahanan cegahan berhak:

- untuk dilayan dengan berperikemanusiaan dan untuk tidak dilayan secara kejam, tidak berperikemanusiaan atau menghina
- untuk menghubungi peguam
- untuk menghubungi ahli keluarga dan majikannya untuk memberitahu mereka bahawa dia selamat
- untuk tidak disoal siasat
- untuk mendapatkan salinan perintah penahanan cegahan tersebut, yang mengandungi ringkasan sebab-sebab perintah dikeluarkan
- untuk mendapatkan khidmat jurubahasa jika dia menghadapi kesulitan dengan Bahasa Inggeris.

Kanak-kanak bawah 16 tahun tidak boleh ditahan. Seseorang yang berumur sekurang-kurangnya 16 tahun tetapi bawah 18 tahun boleh ditahan tetapi mestilah ditahan berasingan daripada orang dewasa. Mereka juga boleh menerima lawatan oleh ibu bapa atau penjaga semasa mereka sedang ditahan.

## Menyiasat kesalahan keganasan

Jika anda atau seseorang dalam jagaan anda ditahan dan/atau disoal siasat oleh polis, anda akan memerlukan nasihat yang lebih terperinci daripada yang diberikan di dalam risalah ini.

### Bila dan bagaimana boleh polis menahan seseorang untuk disoal siasat semasa menyiasat keganasan?

Akta Jenayah Komanwel 1914 (Commonwealth Crimes Act 1914) membolehkan pihak polis menangkap dan menahan seseorang untuk disoal siasat jika ada sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah melakukan kesalahan Komanwel.

Polis boleh menyoal siasat seseorang selama tempoh permulaan empat jam (atau dua jam bagi orang bawah 18 tahun atau yang nampaknya begitu, atau Orang Asli atau penduduk Pulau Torres Strait), yang boleh dilanjutkan dengan kelulusan pegawai kehakiman sehingga 12 jam, atau bagi kesalahan keganasan, sehingga 24 jam.

Waktu soal siasat boleh digantung untuk membolehkan orang yang berkenaan itu rehat, menerima rawatan perubatan, bercakap dengan peguam atau wakil lain atau berkomunikasi dengan kawan, saudara-mara, jurubahasa atau pegawai konsul yang berkenaan jika orang tersebut bukan warganegara Australia.

Bagi kesalahan keganasan, pegawai kehakiman juga boleh meluluskan tempoh masa tambahan jika perlu bagi polis untuk mengumpul dan menganalisis maklumat daripada pihak berkuasa di luar negeri, beroperasi antara zon masa yang berlainan atau menterjemahkan bahan. Semasa tempoh masa tambahan ini, soal siasat mestilah digantung.

Selain keperluan bahawa apa-apa pelanjutan tempoh soal siasat atau penahanan tambahan untuk tujuan penyiasatan perlu diluluskan oleh pegawai kehakiman bebas, ada pelbagai langkah perlindungan yang lain dalam perundangan. Langkah perlindungan ini merangkumi hak orang yang disyaki untuk mendapat kehadiran peguam semasa soal siasat dan hak untuk dilayan dengan berperikemanusiaan dan hormat terhadap maruah manusia.

## Bagaimana pula dengan soal siasat dan penahanan oleh ASIO?

Organisasi Perisikan Keselamatan Australia (Australia Security Intelligence Organisation, ASIO) boleh menyoal siasat seseorang, dan dalam sesetengah keadaan, menahannya untuk mengutip maklumat untuk mencegah serangan pengganas.

ASIO mestilah mempunyai waran yang dikeluarkan oleh hakim persekutuan atau majistret persekutuan sebelum mereka boleh menggunakan kuasa soal siasat dan penahanan mereka.

Seseorang itu boleh ditahan sehingga tujuh hari berturut-turut dan dia boleh disoal siasat sehingga tempoh 24 jam, atau 48 jam jika dia memerlukan jurubahasa. Kanak-kanak bawah 16 tahun tidak boleh ditahan ataupun disoal siasat oleh ASIO.

Seseorang yang disoal siasat atau ditahan oleh ASIO berhak:

- untuk dilayan dengan berperikemanusiaan dan untuk tidak dilayan secara kejam, tidak berperikemanusiaan atau menghina
- untuk mendapatkan khidmat peguam
- untuk mengemukakan aduan pada bila-bila masa mengenai ASIO atau mengenai Polis Persekutuan Australia kepada Ketua Polis Negara bagi Perisikan dan Keselamatan (Inspector-General of Intelligence and Security) atau kepada Ombudsman Komanwel (Commonwealth Ombudsman)
- untuk menghubungi ibu bapa atau penjaga jika orang itu berumur 16 atau 17 tahun dan untuk diberikan kehadiran ibu bapa atau penjaganya semasa disoal siasat.

Dengan waran soal siasat dan penahanan ASIO, seseorang itu berhak menghubungi peguam untuk mendapatkan nasihat undang-undang.

Seseorang yang dikenakan perintah waran soal siasat atau waran soal siasat dan penahanan ASIO:

- mestilah menjawab semua soalan yang dibenarkan oleh waran tersebut
- mestilah menyerahkan pasportnya
- tidak dibenarkan untuk meninggalkan Australia tanpa kebenaran
- tidak dibenarkan untuk memberitahu orang lain, selagi waran tersebut berkuat kuasa, bahawa dia sedang disoal siasat atau ditahan oleh ASIO, melainkan dia dibenarkan untuk berbuat demikian

- tidak dibenarkan untuk memberitahu orang lain, selama tempoh dua tahun selepas luputnya waran tersebut, mengenai apa-apa maklumat operasi yang berkaitan dengan waran tersebut, melainkan dia dibenarkan untuk berbuat demikian.

Hukuman kerana tidak mematuhi syarat-syarat ini ialah penjara selama lima tahun.

Penting difahamkan bahawa jika seseorang itu telah disoal siasat oleh ASIO, dia tidak boleh bercakap mengenainya.

Jika anda atau seseorang dalam jagaan anda dikenakan soal siasat oleh ASIO, anda akan memerlukan nasihat yang lebih terperinci daripada yang diberikan di dalam risalah ini.

## Mencegah pembiayaan keganasan

### Apakah ertinya membiayai keganasan?

Membiayai keganasan itu melibatkan pengutipan atau peruntukan dana dengan sengaja (termasuklah bagi pihak orang lain) tanpa menghiraukan sama ada dana tersebut akan digunakan untuk memudahkan atau melakukan perbuatan pengganas.

Tidak menjadi hal jika perbuatan pengganas tidak berlaku, atau jika dana tersebut tidak akan digunakan untuk sesuatu perbuatan pengganas yang khusus atau untuk lebih daripada satu perbuatan pengganas.

### Bolehkah seseorang itu didakwa membiayai keganasan jika dia menderma kepada badan amal?

Jika orang yang menderma itu sedar akan risiko yang nyata bahawa derma tersebut akan digunakan untuk tujuan keganasan dan tidak wajar untuk mengambil risiko tersebut dalam keadaan begitu, maka dia boleh didakwa membiayai keganasan.

### Apakah yang sedang dilakukan di Australia untuk menguatkuasakan undang-undang yang mencegah pembiayaan keganasan?

Australia mempunyai agensi khas, iaitu Pusat Analisis Urus Niaga dan Laporan Australia (Australian Transactions and Reports Analysis Centre, AUSTRAC), yang memantau akaun bank dan pergerakan wang. Ini bererti peluang untuk menangkap orang yang terlibat dengan pembiayaan keganasan adalah tinggi.

Akaun bank juga boleh dibekukan di Australia jika dana di dalam akaun sedemikian dimiliki oleh, ataupun diperolehi daripada, organisasi pengganas yang tersenarai.

# Menerangkan perintah kawalan

## Apakah itu perintah kawalan?

Seseorang itu boleh dikenakan perintah kawalan jika perintah itu banyak membantu dalam mencegah serangan penganas atau jika orang itu telah dilatih oleh organisasi penganas yang tersenarai.

Perintah kawalan mestilah dikeluarkan oleh mahkamah.

Perintah kawalan boleh menghalang seseorang daripada:

- berada di kawasan-kawasan yang tertentu atau meninggalkan Australia
- berkomunikasi atau bersekutu dengan orang yang tertentu
- memiliki atau menggunakan benda-benda yang tertentu
- menjalankan kegiatan yang tertentu, termasuklah bekerja
- menggunakan bentuk teknologi yang tertentu, termasuklah internet.

Perintah kawalan boleh menghendaki seseorang itu untuk:

- tetap berada di dalam premis antara waktu-waktu yang tertentu setiap hari
- memakai peranti penjejak
- melaporkan diri kepada seseorang pada waktu dan di tempat yang tertentu
- membenarkan gambar dirinya ditangkap.

Perintah kawalan tidak berkuat kuasa sehingga orang yang dikenakan perintah itu diberitahu dan tidak boleh melebihi 12 bulan lamanya.

Seseorang itu boleh memohon agar perintah kawalan diubah, dibatalkan atau diisytiharkan tidak sah sebaik sahaja dia diberitahu bahawa sesuatu perintah telah disahkan.

Dalam membuat keputusan sama ada untuk mengeluarkan perintah kawalan, mahkamah mestilah mempertimbangkan kesan daripada setiap keperluan perintah kawalan itu terhadap keadaan seseorang, termasuklah keadaan kewangan dan peribadinya.

Seseorang yang dikenakan perintah kawalan dan peguamnya boleh mendapatkan salinan perintah tersebut yang mengandungi ringkasan sebab-sebab perintah itu dikeluarkan.

Perintah kawalan tidak boleh dikenakan terhadap kanak-kanak bawah 16 tahun. Bagi orang yang berumur sekurang-kurangnya 16 tahun tetapi bawah 18 tahun, perintah kawalan hanya boleh dikenakan sehingga tiga bulan. Bagi orang yang berumur 18 tahun ke atas, perintah kawalan boleh dikenakan sehingga 12 bulan.

Maklumat umum mengenai  
keselamatan negara boleh didapati di  
**[www.nationalsecurity.gov.au](http://www.nationalsecurity.gov.au)**